



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Kenyataan ini merujuk kepada sidang media YAB Perdana Menteri selepas Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 8 Februari 2023 berhubung Kertas Putih perolehan vaksin COVID-19.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menubuhkan pasukan kerja bagi merangka Kertas Putih susulan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Januari 2023 untuk memberi gambaran secara komprehensif mengenai pengurusan perolehan vaksin COVID-19.

Kertas Putih ini akan meneliti tatacara perolehan yang dilakukan adalah telus demi manfaat rakyat secara keseluruhannya. Ini berikutan penemuan awal oleh pihak Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menjalankan *due diligence* secara terperinci khususnya terhadap terma-terma perjanjian bekalan vaksin COVID-19 yang telah ditandatangani serta dibuat semasa tempoh darurat.

Sehubungan dengan itu, bertepatan dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri juga, KKM akan memastikan sebarang urusan perolehan termasuk perolehan vaksin COVID-19 di bawah kementerian ini dilaksanakan dengan lebih teliti, berintegriti serta memastikan ia mempunyai manfaat timbal-balik kepada Kerajaan.

**DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

10 Februari 2023